**SAYED RAMIN PAKNEJAB lwn. MENTERI DALAM NEGERI, MALAYSIA & SATU LAGI**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
AZMAN ABDULLAH H
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-17-01-2014]
29 MAC 2016

***PROSEDUR JENAYAH:*** *Habeas corpus – Permohonan – Perintah pengkomitan – Ekstradisi – Pertuduhan dan waran komital menyatakan kesalahan-kesalahan yang menunggu pemohon di Thailand – Sama ada mengandungi kesalahan yang dinyatakan dalam afidavit Timbalan Pendakwa Raya Thailand – Sama ada pihak Thailand akan menambah pertuduhan ke atas pemohon – Sama ada pertuduhan terhadap pemohon dibuktikan pada tahap prima facie – Sama ada pemohon dibebaskan dari perintah pengkomitan – Sama ada permohonan perintah habeas corpus dibenarkan – Akta Ekstradisi 1992, s. 19(4), (5)*

***PROSEDUR JENAYAH:*** *Ekstradisi – Perintah ekstradisi – Pengkomitan – Pertuduhan dan waran komital menyatakan kesalahan-kesalahan yang menunggu pemohon di Thailand – Sama ada mengandungi kesalahan yang dinyatakan dalam afidavit Timbalan Pendakwa Raya Thailand – Sama ada pihak Thailand akan menambah pertuduhan ke atas pemohon – Sama ada pertuduhan terhadap pemohon dibuktikan pada tahap prima facie – Sama ada pemohon dibebaskan dari perintah pengkomitan – Sama ada permohonan perintah habeas corpus dibenarkan – Akta Ekstradisi 1992, s. 19(4), (5)*

Pemohon dalam kes ini dikomitkan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 10 Januari 2014. Satu waran komital dikeluarkan mengikut s. 19(5) Akta Ekstradisi 1992 ('Akta'). Pemohon memfailkan satu permohonan *habeas corpus* di Mahkamah Tinggi. Fakta menunjukkan bahawa pihak kerajaan Thailand membuat permintaan kepada responden mewakili kerajaan Malaysia agar suatu waran pemberkasan sementara dikeluarkan ke atas pemohon di bawah per. IX Triti Ekstradisi ('Triti'). Pemohon didakwa melakukan kesalahan pemilikan haram narkotik dan pemalsuan dokumen dalam waran pengkomitan dan inilah kesalahan yang akan menunggu pemohon di Thailand kelak apabila diekstradisi. Empat isu yang dibangkitkan oleh pemohon dalam hujahannya adalah (i) dual criminality; (ii) rule of speciality; (iii) percanggahan dalam berat dadah; dan (iv) kegagalan membuktikan ke tahap *prima facie* s. 19(4) Akta.

**Diputuskan (membenarkan perintah writ *habeas corpus*):**

**(1)** Mahkamah ini melihat pada satu isu sahaja iaitu 'rule of speciality' dan 'dual criminality' selain daripada tiadanya aku janji yang pihak kerajaan Thailand akan hanya menuduh pemohon atas Bhg VI s. 8(e) Akta. (perenggan 16)

**(2)** Dalam pertuduhan yang ditandatangani oleh Expert Public Prosecutor, Jitti Leuangthongkham, terdapat sembilan pertuduhan yang dipohon untuk diekstradisi, antara lain, memiliki dadah dan memalsukan lesen memandu. Jelas bahawa sembilan pertuduhan ini telah dinyatakan sebagai pertuduhan yang menunggu pemohon di Thailand dan begitu juga dengan perintah waran pengkomitan di mana tiada kesalahan di bawah Akta Pasport atau memalsukan 'travelling documents'. (perenggan 19 & 20)

**(3)** Namun, afidavit Timbalan Pendakwa Raya Thailand, Prasit Bourruk, jelas menyatakan 'he will be notified of the additional charges and then be prosecuted' dan 'and to further prosecute the alleged offender for the said charges he will be notified additionally'. Oleh itu, Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') khilaf apabila menyatakan terbukti secara *prima facie* kerana pertuduhan-pertuduhan lain yang akan dipertuduh akan hanya dimaklumkan kemudian. (perenggan 21)

**(4)** Tambahan lagi, ketiadaan aku janji secara bertulis oleh Kerajaan Thailand bahawa hanya sembilan pertuduhan tersebut sahaja yang akan dikenakan ke atas pemohon melemahkan hujahan responden bahawa cukup sekadar berpegang pada Triti yang ada. Oleh sebab Triti yang ada inilah maka perlu jelas dan nyata sifat dan akibat pertuduhan yang menunggu pemohon hingga dibuktikan ke tahap *prima facie* menurut s. 19(5) Akta barulah HMS membuat perintah pengkomitan tersebut tetapi jika gagal dibuktikan hendaklah melepaskannya (s. 19(4) Akta). Oleh itu, pemohon dibebaskan dari perintah pengkomitan tersebut. (perenggan 22 & 23)

**Perundangan yang dirujuk:**
Extradition Act 1992, ss. 8(e), 19(4), (5)

*Bagi pihak pemohon/perayu - Muhammad Shafee Abdullah, Sarah Malini Abishegam, Muhammad Rahmat Muhammad Safee & Wee Yeong Kang; T/n Shafee & Co*
*Bagi pihak responden - Mohd Abazafree; TPR, Nadia Tajuddin & Faizul Aswadi Saad; Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara*

*Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin*

## PENGHAKIMAN

**Azman Abdullah H:**

### Latar Belakang Kes

**[1]** Pemohon di dalam kes ini telah dikomitkan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 10 Januari 2014. Satu waran komital bertarikh yang sama telah dikeluarkan mengikut s. 19(5) Akta Ekstradisi 1992 ("Akta"). Pemohon telah memfailkan satu permohonan *habeas corpus* di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 27 Januari 2014.

**[2]** Pada 26 Mac 2014, YA Hakim Kamardin bin Hashim Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (pada masa itu) telah mendengar permohonan *habeas corpus* tersebut dan memutuskan menolak permohonan pemohon tanpa merujuk kepada alasan penghakiman yang dibuat oleh Mahkamah Sesyen.

**[3]** Satu rayuan telah difailkan ke Mahkamah Persekutuan dan pada 25 Ogos 2014, peguam bela pemohon telah memohon untuk kes ini dibawa kembali ke Mahkamah Tinggi bagi satu perbicaraan semula bagi permohonan *habeas corpus* tersebut. Permohonan tersebut dibuat berlandaskan fakta bahawa pada masa bicara di Mahkamah Tinggi, alasan penghakiman di Mahkamah Sesyen belum ditulis lagi. Permohonan untuk perbicaraan semula di Mahkamah Tinggi dibenarkan oleh Mahkamah Persekutuan.

**[4]** Dengan itu, kes ini didengar semula di Mahkamah Tinggi di hadapan saya dan pihak-pihak telah memfailkan hujahan bertulis dan juga hujahan lisan pada 14 Februari 2016, 7 Mac 2016, 10 Mac 2016, 10 Mac 2016 dan keputusan pada 29 Mac 2016 di mana Mahkamah Tinggi ini membenarkan suatu perintah writ *habeas corpus* dikeluarkan agar pemohon di dalam notis usul ini dibebaskan dari perintah pengkomitan bertarikh 10 Januari 2014 di bawah s. 19(5) Akta.

**Fakta Kes**

**[5]** Pihak Kerajaan Thailand telah membuat permintaan kepada responden mewakili Kerajaan Malaysia bertarikh 21 Ogos 2013 agar suatu waran pemberkasan sementara dikeluarkan ke atas pemohon di bawah Perkara IX Triti Ektradisi antara Kerajaan Great Britain dengan Kerajaan Siam bertarikh 4 Mac 1911 yang mula berkuat kuasa pada 14 Mac 1911 dan pemakaiaannya telah dilanjutkan di bawah perkiraan yang telah dibuat oleh pertukaran nota bertarikh 27 Oktober 1959 antara Persekutuan Malaya dan Thailand dan Perintah Ekstradisi (Thailand) 1992.

**[6]** Suatu permohonan bagi waran pemberkasan ke atas pemohon tanpa perintah Menteri telah dibuat kepada Majistret Kuala Lumpur pada 27 Ogos 2013 dan waran pemberkasan telah dikeluarkan ke atas pemohon pada 27 Ogos 2013 juga dan telah diserahkan waran tersebut kepada pihak PDRM untuk perlaksanaan terhadap pemohon dan dilaksanakan pada 27 Ogos 2013 tarikh yang sama.

**[7]** Pemohon telah dibawa ke hadapan Majistret Kuala Lumpur pada hari yang sama (27 Ogos 2013) dan pemohon diperintahkan oleh Tuan Majistret agar ditahan reman selama dua bulan sementara menunggu penerimaan permintaan rasmi ekstradisi oleh pihak Thailand.

**[8]** Pada 26 September 2013 pihak Thailand telah membuat suatu permintaan rasmi ektradisi dan dengan itu Perintah Menteri bertarikh 25 Oktober 2013 dikeluarkan bagi pengesahan permintaan tersebut.

**[9]** Suatu permohonan memindahkan kes dari Mahkamah Majistret Kuala Lumpur ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur telah dipohon oleh responden pada 25 Oktober 2013 dan dibenarkan.

**[10]** Meringkaskan fakta kes ini Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 10 Januari 2014 telah berkeputusan mengeluarkan perintah pengkomitan ke atas pemohon ditahan oleh pihak polis di hantar ke Penjara Sungai Buloh Selangor dan diletakkan di bawah jagaan pihak penjara sehingga diserahkan seperti mana peruntukan s. 19(5) Akta tersebut.

**[11]** Di dalam Warrant of Commital bertarikh 10 Januari 2014 yang dikeluarkan oleh Tuan HMS tersebut dinyatakan di perenggan dua sebagai berikut:

> WHEREAS on this 10 day of January 2014, SYED RAMIN PAKNEJAD is, brought before me, MAT GHANI BIN ABDULLAH, a Session Courts Judge, in pursuance of a requisition made by the Government of Thailand, on the ground of his being accused of the commission of the offences of illegal possession of narcotics (5 tubes of heroin weighing 0.141.gram) in violation of sections, 7, 8, 15 and 67 of the Narcotics Act B.E. 2522 [1979] The Ministry of Public Health's Proclamation (No. 135) B.E. 2539 (1996) and document forgery in violation of sections 32, 33, 91 and 264 of the Penal Code within the jurisdiction of Thailand.
>
> AND WHEREAS a *prima facie* has been made out in support of the requisition made by the Government of Thailand.

**[12]** Adalah jelas bahawa inilah kesalahan yang akan menunggu pihak pemohon di negara Thailand kelak apabila diekstradisi nanti menurut apa yang dikeluarkan oleh Tuan HMS di dalam waran pengkomitannya bertarikh 10 Januari 2014.

**Alasan Kepada Membenarkan Permohonan Pemohon**

**[13]** Mahkamah Tinggi ini telah meneliti alasan penghakiman Tuan HMS setebal 18 muka surat dan rekod rayuan dan hujahan bertulis dan hujahan lisan kedua-dua belah pihak yang telah ditetapkan tiga hari untuk pihak-pihak berhujah secara lisan sahaja selain dari hujahan bertulis yang telah difailkan.

**[14]** Empat isu yang dibangkitkan oleh peguam cara bagi pihak pemohon di dalam hujahan mereka iaitu:

Isu 1 : Dual criminality;

Isu 2 : Rule of Speciality;

Isu 3 : Discrepancy in the weight of the drugs;

Isu 4 : Kegagalan membuktikan ke tahap *prima facie* s. 19(4) Akta.

**[15]** Meneliti alasan penghakiman Tuan HMS, saya berpuas hati atas alasan yang diberikan untuk isu-isu lain namun saya berkeputusan dan tidak bersetuju atas isu 3 dan 4 dan tidak dapat menerima alasan oleh Tuan HMS atas isu "rule of speciality" dan "dual criminality" ini.

**[16]** Mahkamah ini melihat pada satu isu sahaja iaitu "rule of speciality" dan "dual criminality" selain dari tiadanya undertaking yang pihak kerajaan Thailand yang mereka akan hanya menuduh pemohon atas Bhg VI s. 8(e) Akta. Mahkamah ini merujuk kepada afidavit DPP (Timbalan Pendakwa Raya) Thailand (Jilid 2 – ms. 323 menyatakan bahawa "If the alleged offender is apprehended or taken by any means, he will be notified of the additional charges and then be prosecuted" (end of para. 5) dan pada ms. 325 Jilid 2 (end of para. 7) …when the alleged offender is apprehended or taken … di ulang sekali lagi.

**[17]** Afidavit yang dibuat oleh Mr Prasit Bourruk ini dibuat pada 11 September 2013 bagi tujuan menyokong permohonan untuk extradisi pemohon di dalam kes ini. (lihat para. 2). Ianya bukan menceritakan perkara dan niat yang lama sebab pihak Thailand akan menambah tuduhan ke atas pemohon jika dengan apa cara pemohon dapat tangkap dan dihadapkan semula ke muka pengadilan. Tambahan pula tidak perlu untuk pihak pendakwaan Thailand menceritakan yang mereka berazam untuk menangkap semula pemohon bagi tujuan pertuduhan yang lebih banyak.

**[18]** Jika afidavit Mr Prasit adalah bertujuan untuk extradisi ini namun kenapa secara terperinci disebutkan di dalam afidavit yang sama akan keterangan-keterangan dan barang kes yang ada yang membolehkan pemohon dituduh di bawah kesalahan Akta Pasport (para. 324) seolah-olah untuk memberi keyakinan bahawa terbukti kesalahan di bawah Akta Pasport juga dinyatakan dan di dalam pertimbangan untuk menuduh di bawah kesalahan memalsukan pasport, memalsukan dokumen kerajaan dan mengedar pasport palsu antaranya.

**[19]** Walhal di dalam pertuduhan bertarikh 30.08.B.E. 2555[2012] yang ditandatangani oleh expert Public Prosecutor oleh Mr Jitti Leuangthongkham eks. "HAO-7" pada ms. 357 ditunjukkan sembilan pertuduhan yang dipohon untuk diektradisi iaitu secara ringkasnya:

| | |
|---|---|
| Pertuduhan 1 | : memiliki dadah; |
| Pertuduhan 2, 5 dan 7 | : memalsukan "health card/Tessera Sanitaria"; |
| Pertuduhan 3, 4, 6 dan 8 | : memalsukan "Italian Identity/D'Identita Card/Carta"; |
| Pertuduhan 9 | : memalsukan lesen memandu "Italian International Driving License". |

**[20]** Adalah jelas bahawa hanya sembilan pertuduhan ini sahaja yang dinyatakan sebagai pertuduhan yang menunggu pemohon di negara Thailand yang akan dihadapkan dan begitu juga dengan perintah warrant of commital yang dikeluarkan oleh Tuan HMS dirujuk di atas tadi di mana tiada kesalahan di bawah Akta Pasport atau memalsukan "travelling documents".

**[21]** Namun dari afidavit oleh Mr Parsit Bourruk yang dirujuk tadi dengan jelas dinyatakan "he will be notified of the additional charges and then be prosecuted" (ms. 3 affidavid baris akhir para. 5) dan "and to further prosecuted the alleged offender for the said charges he will be notified additionally" (ms. 5 affidavit baris akhir para. 7). Oleh itu, Tuan HMS adalah khilaf apabila menyatakan terbukti secara *prima facie* kerana pertuduhan-pertuduhan yang banyak lagi akan dituduh akan dimaklum nanti atau "will be notified of the additional charges" dan "will be notified additionally".

**[22]** Ditambah pula dengan ketiadaan undertaking secara bertulis pula dari Kerajaan Thailand bahawa hanya sembilan pertuduhan tersebut sahaja yang akan dikenakan ke atas pemohon melemahkan hujahan pihak responden bahawa cukup sekadar berpegang pada triti yang ada. Mahkamah ini berkeputusan oleh sebab triti yang ada inilah maka perlu jelas dan nyata sifat dan akibat pertuduhan tersebut yang menunggu pemohon hingga dibuktikan ke tahap *prima facie* menurut s. 19(5) Akta barulah Tuan HMS membuat perintah pengkomitan tersebut tetapi jika gagal dibuktikan hendaklah melepaskannya (s. 19(4) Akta).

**[23]** Atas isu ini mahkamah ini berkeputusan membenarkan suatu perintah writ *habeas corpus* dikeluarkan agar pemohon di dalam notis usul ini dibebaskan dari perintah pengkomitan bertarikh 10 Januari 2014 di bawah s. 19(5) Akta.